

## Permasalahan, Cabaran dan Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Penulisan Karangan Pelajar Sekolah Menengah

Simah Mamat\*, Azni Yati Kamaruddin, Siti Nur Khairunisa Mohd Al-Fatah & Mashariana Casrin Frizzlin Anak Manggang

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

### ABSTRAK

Penulisan karangan merupakan kemahiran menulis yang mencabar dan kompleks. Penulisan karangan juga adalah untuk melihat perkembangan kognitif pelajar supaya mereka dapat mengembangkan idea semasa menulis. Kebanyakan guru Bahasa Melayu menghadapi masalah untuk melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) penulisan karangan yang baik dan berkesan kepada pelajar. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk melihat masalah dan cabaran pembelajaran pelajar terhadap penulisan karangan Bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga dilaksanakan untuk mengetahui amalan pengajaran guru iaitu pendekatan yang sesuai untuk memastikan PdPc penulisan karangan lebih sistematik. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan menganalisis jurnal, artikel, kertas projek, dan juga kertas persidangan. Dapatan kajian menunjukkan masalah penulisan pelajar adalah disebabkan pelajar tidak menguasai topik karangan dan tidak memahami bahan rangsangan. Dapatan juga menunjukkan cabaran pelajar dalam menguasai penulisan karangan adalah disebabkan oleh sikap pelajar itu sendiri, motivasi dan persekitaran. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pendekatan kontekstual adalah sesuai digunakan oleh guru Bahasa Melayu semasa pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) penulisan karangan. Dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan panduan untuk membanteras masalah dan cabaran yang berlaku sepanjang pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dijalankan. Selain itu, kajian yang dilakukan ini diharap dapat meningkatkan amalan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru Bahasa Melayu khususnya dalam memantapkan lagi penguasaan pelajar dalam penulisan karangan.

**Kata Kunci:** Penguasaan, Penulisan Karangan Bahasa Melayu, Amalan Pengajaran dan Pembelajaran

### ABSTRACT

Essay writing is a challenging and complex writing skill. Essay writing (seeks) to show the cognitive development of the students in developing ideas while enhancing their writing skills. Most of the Malay language teachers have a problem to carry out teaching and facilitation essay writing clearly. Therefore, this study aims to analyse the problems and challenges of student learning of the Malay language essay writing. In addition, this study was also conducted to find out the teaching practices of teachers to determine the appropriate approach to ensure the teaching and facilitation of essay writing is more systematic. This study uses the library method by analyzing journals, articles, project papers, and even conference papers. Findings of the study showed that students' writing problems were due to students not mastering the topic of the essay and not understanding the stimulus material. Findings also show that students' challenges in mastering essay writing are due to the students' own attitudes, motivation and environment. The results also showed that the contextual approach is suitable for the Malay language teacher during teaching and facilitation essay writing. It is hoped that the findings of this study can be used as a guide to combat problems and challenges that occur during the teaching and facilitation conducted. In addition, studies conducted are intended to improve the practice of teaching and facilitation, especially the Malay language teachers in students' proficiency in writing essays.

**Keywords:** Domination, Malay Language Essay, Teaching and Learning Practice

\* Corresponding author: [simah@um.edu.my](mailto:simah@um.edu.my)  
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

## PENGENALAN

Nabilah (2011) menyatakan sistem pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) haruslah bersesuaian dengan perkembangan pembelajaran supaya dapat melahirkan aset negara yang berkemahiran tinggi. Dalam melahirkan aset negara yang bertaraf dunia, kerajaan telah menjadikan pendidikan sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Oleh itu, pelajar telah didedahkan dengan beberapa tahap dalam sistem pendidikan iaitu bermula dengan sistem pendidikan rendah, sistem pendidikan menengah dan sistem pengajian tinggi. Perkara ini turut disokong oleh Chew (2015) menyatakan bahawa pelajar telah diperkenalkan dengan sistem pendidikan sejak dari pra sekolah atau sistem pendidikan awal kanak-kanak lagi. Perkara ini adalah untuk mendedahkan kanak-kanak dengan mengenali dan mempelajari asas-asas kemahiran literasi iaitu membaca, menulis dan mengira. Chew (2015) juga menyatakan pengajaran literasi yang didedahkan secara awal adalah untuk memastikan kanak-kanak menguasai kemahiran 3M tersebut.

Selain itu, Norul Haida (2014) turut menyatakan kemahiran bahasa meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Intipati yang digariskan dalam kemahiran menulis ialah melihat kepada keupayaan pelajar dalam mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis tulisan. Jenis penulisan yang dimaksudkan ialah penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi ditulis menggunakan ayat gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul serta ejaan yang jelas dan kemas (Norul Haida, 2014). Walau bagaimanapun, kecekapan pelajar menguasai kemahiran menulis akan dipengaruhi oleh ketangkasan guru dalam mengendalikan PdPc dengan berkesan. Perkara ini dibuktikan melalui kajian Nurzuliana (2019) guru memainkan peranan yang penting sebagai pendidik, pemudah cara dan fasilitator dalam kelas. Justeru kelancaran PdPc akan bergantung dengan keupayaan guru mengendalikan kelasnya. Oleh itu, amalan guru dianggap berkesan terutamanya dalam PdPc apabila mereka berjaya menggunakan kaedah pengajaran, menyediakan alat bantu mengajar yang menarik serta berjaya mendalami isi kandungan yang hendak diajar (Nurzuliana, 2019).

Penguasaan pelajar dalam Bahasa Melayu masih berada di tahap yang kurang memberangsangkan. Ketidakecakapan pelajar dalam menguasai Bahasa Melayu akan menyebabkan berlakunya masalah dan cabaran dalam memantapkan Bahasa Melayu terutamanya di sekolah. Permasalahan yang melibatkan kurangnya penguasaan pelajar dalam subjek Bahasa Melayu turut dibuktikan melalui kajian Ahmad Hifzzurrahman dan Zaliza Zubir (2014). Hasil dapatan kajian mendapati prestasi pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada abad ke-21 belum sampai kepada tahap yang boleh dibanggakan. Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2000 telah menjadi topik hangat yang pernah dibincangkan dalam media massa. Keputusan peperiksaan menunjukkan 49, 966 (14%) orang pelajar yang mengambil peperiksaan gagal dan tidak layak menerima sijil penuh kerana gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Berita Harian 2002, 27 Februari: 1). Kajian di peringkat mikro juga menunjukkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar masih belum sampai ke tahap yang boleh dibanggakan.

Norzilawati Abdullah (2020), menyatakan penguasaan Bahasa Malaysia dalam kalangan pelajar yang mengikuti pendidikan rendah di SJK masih tidak memuaskan atas faktor pengekalan struktur kurikulum sekolah di Malaysia masih berasaskan tiga kaum utama. Masalah ini berpanjangan kerana guru yang mengajar subjek Bahasa Malaysia di SJK cenderung untuk mengajar dalam bahasa ibunda mereka bagi memastikan pelajar faham akan kandungan pelajaran. Walau bagaimanapun masalah ini menimbulkan kesan tidak baik apabila pelajar hanya menguasai isi kandungan sahaja dan bukan secara keseluruhan lebih-lebih lagi dalam aspek komunikasi.

Masalah kurangnya penguasaan pelajar dalam Bahasa Melayu turut dibincangkan oleh Nurul Aisyah Abdullah (2016). Masalah sukar menulis perenggan isi dan perenggan pendahuluan dalam karangan, PdPc kurang menarik dalam penulisan karangan, masalah pelajar tidak minat mengarang, tiada motivasi dan bosan belajar Bahasa Melayu serta pelajar tidak selesa dengan persekitaran semasa PdPc penulisan karangan Bahasa Melayu yang terlalu bising menyebabkan pelajar menghadapi masalah untuk mencapai penulisan karangan Bahasa Melayu yang baik.

Kegagalan guru dalam menyebatkan KBKK dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan akan menghasilkan pelajar yang pasif dalam penulisan karangan (Lai Lee Chung, 2017). Hal ini demikian kerana pelajar tidak dapat mengembangkan daya kognitif mereka untuk menghasilkan penulisan karangan yang berkualiti. Kaedah pengajaran guru yang menyuruh pelajar menghafal contoh karangan yang baik boleh menghalang pelajar daripada berfikir terbuka untuk menyampaikan idea mereka dalam bentuk penulisan. Amalan pengajaran guru yang menekankan kaedah hafalan contoh karangan menarik ini adalah untuk mengejar peratusan lulus peperiksaan Bahasa Melayu samata-mata boleh menghalang para pelajar berfikir kritis dan kreatif terhadap penulisan karangan. Kesannya, pelajar tidak dapat menjana idea sendiri untuk mengembangkan olahan karangan kerana terikat dengan teks yang telah dihafal. Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji masalah dan cabaran yang membataskan keupayaan pelajar dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Selain

itu, kajian ini juga dilakukan untuk melihat pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru dalam menggalakkan penguasaan penulisan karangan pelajar.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk:

- i. Menenal pasti masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar sekolah menengah dalam penguasaan penulisan karangan Bahasa Melayu.
- ii. Mengkaji pendekatan yang sesuai digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu bagi meningkatkan penguasaan penulisan karangan dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Soalan kajian ini dikemukakan bagi mencapai keberhasilan tujuan kajian. Antara soalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar sekolah menengah dalam penguasaan penulisan karangan Bahasa Melayu?
- ii. Apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar sekolah menengah dalam penguasaan penulisan karangan Bahasa Melayu?
- iii. Apakah pendekatan yang digunakan oleh guru untuk meningkatkan penguasaan penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah?

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Pengkaji menggunakan kajian kepustakaan bagi mendapatkan sorotan ke atas bahan-bahan literatur seperti artikel, seminar, laporan dan buku ilmiah yang berkaitan dengan fokus kajian. Kajian kepustakaan ini penting kerana melalui kaedah ini pengkaji mendapat gambaran yang jelas mengenai peristilahan, kaedah, pengolahan dan penghasilan data yang bersesuaian. Berdasarkan kajian ini, pengkaji mencari bahan yang berkaitan dengan masalah dan cabaran penguasaan penulisan karangan dalam kalangan pelajar menggunakan buku, artikel, jurnal, kertas seminar dan sebagainya untuk memperkukuhkan lagi kajian yang dilakukan. Pengkaji menyokong dapatan kajian dengan kajian-kajian lepas yang telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu. Pengkaji juga menjadikan kajian lepas sebagai sokongan kepada tajuk kajian dan menjadikannya sebagai sumber rujukan.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Masalah yang dihadapi oleh Pelajar dalam Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Melayu**

#### **i. Tidak Menguasai Tajuk Karangan**

Juriah (2010) menyatakan penguasaan penulisan karangan amat penting bagi setiap individu supaya dapat dijadikan alat untuk menghasilkan tindak balas sebagai hasil sesuatu pembelajaran. Namun begitu, terdapat beberapa masalah tertentu yang dihadapi oleh pelajar terutamanya yang lemah dalam menguasai penulisan karangan. Kegagalan pelajar dalam menguasai penulisan karangan adalah disebabkan oleh masalah dalam diri mereka. Punca utama yang menyebabkan pelajar tidak boleh menulis karangan dengan baik adalah disebabkan oleh pelajar tidak menguasai atau tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap topik yang dipelajari (Ilangko et. al, 2014).

Perkara ini menyebabkan pelajar tidak mampu mengembangkan idea penulisan kerana tidak ada pemahaman tentang soalan karangan yang dikemukakan. Pengetahuan pelajar ketika mengeluarkan idea adalah terhad kerana ketidakfahaman mereka terhadap tajuk karangan yang diberikan oleh guru sebagai latihan mahupun dalam peperiksaan sebenar. Pelajar akan mengambil pendekatan dengan menulis karangan hanya sekadar untuk mengisi kekosongan atas kertas sahaja. Oleh itu, pemahaman pelajar terhadap sesuatu topik karangan adalah penting untuk menghasilkan karangan yang baik. Pelajar boleh mencurahkan idea mereka terhadap sesuatu topik yang dikemukakan dengan disokong oleh beberapa fakta. Justeru itu, kajian Rasid (2011) mengatakan pencapaian pelajar dalam kemahiran menulis karangan akan menjadi lemah sekiranya tidak menguasai topik

karangan. Kemahiran menulis karangan bukan sahaja dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tetapi membantu mereka menulis esei dan laporan dalam mata pelajaran yang lain dengan baik (Khawidah dan Wan Muna, 2019).

Selain itu, Rasid (2011) menyatakan kualiti PdPc menurun serta tidak mencapai objektif pembelajaran adalah disebabkan kelemahan pelajar menguasai kemahiran menulis. Kelemahan ini adalah disebabkan mereka tidak menguasai dan tidak memahami isi kandungan sesuatu topik. Kelemahan penguasaan sesuatu topik menyebabkan pelajar belum mahir dalam membina ayat-ayat lengkap serta tidak mempunyai pengetahuan yang luas tentang topik dipelajari. Perkara ini disokong oleh Che Zanariah dan Fadzillah (2011) menyatakan kelemahan penguasaan bahasa menyebabkan pelajar belum mahir dalam membina ayat sekaligus menyebabkan mereka lemah dalam kemahiran mengarang. Oleh itu, pelajar perlu belajar untuk memahami topik karangan untuk mengelakkan mereka daripada menulis penulisan yang diluar daripada konteks soalan. Contohnya, karangan berkaitan dengan keburukan PdPc dalam tempoh pandemik Covid-19. Jadi kehendak soalan disini adalah untuk menceritakan keburukan PdPc atas talian sahaja bertepatan dengan sistem pendidikan norma baru. Justeru, murid tidak boleh membahaskan tentang PdPc secara bersemuka kerana tidak mengikut spesifikasi topik atau tajuk karangan.

Guru perlu memupuk keinginan pelajar untuk menguasai penulisan karangan. Guru perlu mendedahkan pelajar dengan isu-isu yang terkini bagi mempersiapkan pelajar menghadapi peperiksaan penulisan kerana kebanyakan topik yang dikemukakan memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Pelajar juga perlu banyak membaca dan mendengar supaya mampu menulis dengan baik. Tambahan pula, kemahiran berbahasa memerlukan kemahiran membaca, mendengar dan menulis. Pernyataan ini dibuktikan melalui kajian Abdul Ghani (2016), Yusfaiza dan Mohd Islah (2012) yang menyatakan bahawa menulis merupakan kemahiran bahasa yang tertinggi dan pelajar yang menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik akan berkebolehan untuk menguasai kemahiran mendengar, membaca dan menulis.

## ii. **Tidak Memahami Bahan Rangsangan**

Masalah penguasaan penulisan karangan yang seterusnya ialah pelajar tidak memahami bahan rangsangan. Pelajar hanya menyalin semula soalan semasa latihan atau semasa ujian dijalankan. Pelajar juga tidak memahami kehendak soalan dalam penulisan karangan. Hal ini demikian kerana pelajar tidak mempunyai perancangan dalam menulis karangan dimana mereka hanya mengarang tanpa ada perenggan pengenalan, perenggan isi dan perenggan penutup. Ini yang menyebabkan guru bahasa mempunyai masalah dalam pengajaran Bahasa Melayu kerana pelajar sukar memahami penulisan Bahasa Melayu (Chellamal, 2015).

Perkara ini menunjukkan bahawa pelajar belum mahir dalam membina ayat-ayat yang lengkap. Roselan (2011) menyatakan kegagalan pelajar memahami bahan rangsangan akan menyebabkan mereka lemah dalam kemahiran mengarang. Tidak dinafikan bahawa pelajar yang tidak memahami bahan rangsangan akan gagal dalam menulis karangan sekaligus ia akan mempengaruhi pencapaian mereka dalam Bahasa Melayu gagal. Kelemahan pelajar dalam memahami bahan rangsangan akan menyebabkan mereka tidak dapat mentakrif tajuk karangan dengan tepat, isi penulisan tidak berkembang dengan baik, menggunakan ayat yang tidak gramatis, pengolahan tidak menarik serta menulis karangan tanpa merangkanya terlebih dahulu dan lemah dalam penyampaian idea dan ayat-ayat tidak mempunyai pertautan antara satu sama lain (Rasid, 2011).

Justeru itu, pelajar perlu banyak membaca untuk meningkatkan pemahaman mereka dalam membaca bahan rangsangan yang disediakan oleh guru. Norul Haida Redzuan (2014) yang menyatakan bahawa pelajar mempunyai idea dalam mengupas sesuatu tajuk, tetapi apabila mereka menulis idea yang disampaikan kurang jelas. Hal ini demikian kerana kemahiran menulis karangan melibatkan aspek psikologi dan kognitif pelajar untuk membuat penghuraian isi bagi menghasilkan penulisan yang baik. Justeru itu, pelajar yang kurang membaca akan mengalami masalah untuk mencari isi dan membuat penghuraian isi kerana tidak mempunyai banyak pengetahuan. Justeru itu, mereka perlu memahami bahan rangsangan yang disediakan agar dapat membantu mereka untuk mengarang.

## **Cabaran yang dihadapi oleh Pelajar dalam Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Melayu**

### i. **Sikap Pelajar**

Minat merupakan galakan kepada pelajar untuk menyertai PdPc dengan seronok. Minat pelajar terhadap penulisan karangan akan merangsang tingkah laku yang positif kerana mereka bersedia untuk menguasai kemahiran menulis dengan baik. Kesannya, pelajar tingkatan satu yang mempunyai minat terhadap penulisan karangan akan menumpukan perhatian sepenuhnya semasa guru mengajar agar mereka dapat menghasilkan karangan yang menarik. Hal ini kerana mereka akan menulis karangan sehingga tingkatan lima. Maka mereka

perlu menguasai penulisan karangan bermula dari awal tingkatan satu lagi. Selain itu, mereka juga akan belajar bersungguh untuk menguasai kemahiran menulis kerana mereka minat terhadap penulisan karangan.

Namun begitu, pelajar yang tidak minat terhadap penulisan karangan sukar untuk menghasilkan penulisan dengan baik kerana mereka tidak mempunyai sikap yang positif untuk menulis karangan dengan lebih jelas dan berkesan. Terdapat pelajar yang kurang berminat terhadap sesuatu subjek telah menyebabkan pelajar itu mempunyai pemikiran tertutup terhadap subjek tersebut (Nurul Aisyah Abdullah, 2016). Hal ini telah menyebabkan pelajar bersikap malas untuk belajar menulis karangan Bahasa Melayu. Rentetan daripada itu, pelajar tidak dapat menguasai kemahiran untuk menulis dengan baik kerana mereka tidak melibatkan diri secara aktif semasa PdPc penulisan karangan. Contohnya, mereka menunjukkan sikap tidak minat mengarang, pelajar mengalami masalah kurang yakin kerana kemahiran bahasa lemah, kurang disiplin diri kerana tidak menyiapkan latihan penulisan karangan, sukar menulis dalam Bahasa Melayu dan tiada motivasi untuk belajar menulis karangan. Keadaan ini menyebabkan pelajar hilang semangat dan kesungguhan belajar menulis karangan untuk meningkatkan kemahiran literasi mereka. Oleh itu, pelajar perlu ada minat untuk menulis karangan kerana minat boleh mendorong sikap dan tindakan pelajar terhadap pembelajaran mereka. Perkara ini akan menyebabkan mereka dapat menjana idea sendiri tanpa bergantung kepada guru mereka agar boleh menghasilkan buah fikiran untuk menghasilkan penulisan karangan.

## ii. **Motivasi Pelajar**

Seterusnya, cabaran kepada pelajar untuk menghasilkan penulisan karangan juga adalah disebabkan kurangnya motivasi dalam diri pelajar. Hal ini demikian kerana motivasi adalah aspek penting untuk mendorong seseorang pelajar berusaha dengan lebih tekun dalam pelajaran mereka. Menurut Mohd Uzir Zubir (2018) motivasi adalah penggerak yang melibatkan proses membangkit, mengekal dan mengawal minat. Perkara ini menunjukkan bahawa motivasi sangat penting dalam proses belajar kerana ia dapat merangsang seseorang pelajar untuk berjaya mencapai matlamat pembelajaran yang bermakna kepada mereka. Dalam konteks penulisan karangan, motivasi pelajar adalah penting kerana penulisan karangan memerlukan kemahiran yang tinggi dan kompleks. Maka keadaan ini memerlukan motivasi yang tinggi dalam diri pelajar untuk belajar menulis karangan dengan lebih berkesan. Motivasi yang positif akan menunjukkan penglibatan secara aktif pelajar terhadap penulisan karangan. Namun sekiranya pelajar kurang bermotivasi untuk menghasilkan penulisan karangan maka mereka akan mengambil sikap sambil lewa sahaja terhadap PdPc Bahasa Melayu. Kesannya, kemahiran menulis karangan tidak dapat dikuasai secara maksimum oleh mereka.

Bagi mengatasi cabaran ini berlaku guru perlu menggalakkan pelajar untuk rajin membaca bahan-bahan seperti surat khabar, majalah, makalah, rencana, buku cerita, mendengar sesuatu, menonton sendiri sesuatu dan juga menulis berdasarkan pengalaman mereka. Keadaan ini menunjukkan bahawa untuk menghasilkan kemahiran menulis karangan, kemahiran literasi seperti membaca, mendengar dan bertutur juga perlu dikuasai oleh pelajar (Zakaria et al., 2019). Kesannya, pelajar dapat membuat pengolahan isu dengan baik terhadap perkara yang terdapat dalam fikiran dan perasaan mereka untuk menghasilkan penulisan karangan. Perkara ini menunjukkan bahawa penulisan yang baik hasil daripada maklumat yang mencukupi, huraian jelas disertakan dengan contoh-contoh yang bersesuaian. Oleh itu, kebolehan pelajar untuk menyediakan karangan yang baik dapat dilihat melalui pengembangan pengetahuan yang terdapat dalam fikiran melalui kemahiran menulis.

## iii. **Persekitaran**

Suasana yang selesa dan tenteram untuk belajar adalah penting kepada pelajar dan guru untuk memastikan PdPc dapat dilakukan dengan berkesan. Persekitaran sekolah dan bilik darjah yang selesa merupakan nilai tambah kepada keberhasilan kejayaan pencapaian pelajar lebih-lebih lagi dalam penulisan karangan. Hal ini demikian kerana persekitaran yang kondusif akan melahirkan tingkah laku pelajar yang dapat merangsang ke arah perkembangan kognitif yang baik. Persekitaran yang selesa ini akan memberikan kesan sampingan kepada pelajar untuk mudah menerima pembelajaran yang diajar oleh guru. Perkara ini turut disokong oleh Nurazuan Razali (2013) yang menyatakan bahawa persekitaran yang kondusif dikatakan dapat melahirkan suasana yang seronok untuk belajar serta meningkatkan prestasi pelajar seperti penggunaan bilik darjah untuk aktiviti yang sesuai dan penyediaan bilik-bilik khas. Selain itu, dapatan kajian yang dilakukan oleh Abdul Rasid Jamian (2011) mendapati bahawa suasana pembelajaran yang selesa dan dorongan daripada guru dapat mewujudkan motivasi dan menanamkan minat pelajar agar terus belajar untuk menguasai kemahiran menulis. Jelaslah di sini bahawa, persekitaran mempengaruhi keberhasilan penulisan karangan Bahasa Melayu yang baik dalam kalangan pelajar sekolah.

Justeru itu, persekitaran tempat belajar yang kurang kondusif adalah halangan dan cabaran kepada proses pembelajaran pelajar di dalam bilik darjah. Hal ini demikian kerana pelajar bukan sahaja memerlukan sokongan daripada guru dan ibu bapa untuk belajar dengan baik malah mereka turut memerlukan kelengkapan dan tempat yang selesa untuk belajar. Halangan situasi ini dikaitkan dengan persekitaran seseorang iaitu situasi sibuk

dengan kerja lain, hal rumah dan tempat belajar yang tidak selesa (Siti Azura Abu Hassan, 2021). Contohnya, pelajar tidak selesa ketika PdPc karangan dalam kelas disebabkan suasana yang bising boleh menghalang mereka untuk menghasilkan penulisan karangan Bahasa Melayu dengan baik. Hal ini demikian kerana semasa proses menulis karangan, pelajar memerlukan suasana yang selesa dan aman agar dapat melahirkan idea yang bernas untuk diterjemahkan dalam bentuk tulisan. Sekiranya, suasana pembelajaran penulisan karangan terlalu bising keadaan ini boleh mengganggu fikiran pelajar untuk mengembangkan idea dan olahan penulisan karangan. Hasil kajian yang dilakukan oleh Nurul Aisyah Abdullah (2016) membuktikan bahawa persekitaran yang bising merupakan cabaran kepada penulisan karangan Bahasa Melayu di dalam bilik darjah.

Kesannya, pelajar akan melakukan pengolahan isi yang berulang-ulang dan tidak dapat mengembangkan olahan dengan jelas kerana terpengaruh dengan rakan-rakan yang malas untuk menulis karangan di dalam bilik darjah. Selain itu, waktu pengajaran penulisan yang kurang sesuai seperti waktu tengah hari boleh mendatangkan persekitaran yang tidak selesa untuk belajar. Keadaan ini menjadi cabaran yang paling serius dalam kalangan pelajar semasa PdPc penulisan karangan kerana waktu pagi lebih sesuai untuk belajar penulisan karangan kerana minda pelajar masih segar untuk belajar. Kajian yang dilakukan oleh Nurul Aisyah Abdullah (2016) mendapati bahawa waktu pembelajaran penulisan karangan yang kurang sesuai juga boleh menjejaskan penguasaan kemahiran menulis karangan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Keadaan ini boleh menyebabkan pelajar tidak fokus untuk belajar di dalam kelas sehingga menyebabkan mereka tidak boleh menguasai PdPc yang berlangsung di dalam bilik darjah.

Salah satu langkah untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan semasa PdPc penulisan karangan adalah dengan menyediakan infrastruktur yang lengkap kepada pelajar. Hal ini demikian kerana fasiliti yang lengkap boleh menyumbang kepada suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Contohnya seperti penyediaan perpustakaan kelas, sudut info di dalam kelas untuk berkongsi maklumat, sudut kerja kumpulan, sudut pameran dan juga sudut penulisan dan penerbitan. Melalui kemudahan yang disediakan ini menyebabkan pelajar dapat mengakses maklumat dengan lebih cepat di dalam kelas untuk menambahkan pengetahuan mereka. Kesannya, aktiviti penulisan dapat dilaksanakan secara berterusan kerana adanya suasana pembelajaran yang selesa untuk belajar.

### **Pendekatan yang digunakan Oleh Guru untuk Meningkatkan Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah**

Hasil daripada penelitian kajian yang lepas, didapati bahawa pelaksanaan pengajaran melalui pendekatan kontekstual mendapat respon yang positif daripada guru-guru (Sumami dan Aziz, 2016). Kebanyakan guru menggunakan pendekatan ini dengan dibantu oleh bahan media pengajaran dan memberikan kesan yang positif terhadap pembelajaran pelajar. Nik Hassan (2011) mendefinisikan pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian individu, kehidupan masyarakat dan alam pekerjaan. Hassan (2011) pendekatan kontekstual penting dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Bahasa Melayu kerana ia menekankan pembelajaran melalui pengalaman sendiri iaitu aktiviti *hands on*. Aktiviti *hands on* merupakan elemen utama PdPc berpusatkan pelajar melalui pendekatan kontekstual (Cahaya & Zamri, 2017). Nursyuhada et. al (2013) turut menyatakan pendekatan kontekstual banyak diaplikasikan dalam teknik multisensori. Teknik multisensori menjadi lebih berkesan dengan adanya penggunaan cahaya yang terang, warna yang terang dan sebagainya. Dalam memastikan PdPc Bahasa Melayu berkesan, guru perlu memastikan pelajar mempunyai motivasi dalam mempelajari bahasa tersebut. Aktiviti pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan pendekatan kontekstual akan menggalakkan pelajar terlibat secara aktif dalam ketiga-tiga kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, membaca dan menulis. Abdul Ghani (2016), Yusfaiza dan Mohd Isah (2012) menyatakan menulis merupakan kemahiran bahasa yang tertinggi dan pelajar yang menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik akan berkebolehan menguasai kemahiran mendengar, membaca dan menulis. Oleh itu, pendekatan ini sesuai digunakan oleh guru dalam membantu pelajar untuk menguasai penulisan karangan. Pelajar akan mengaplikasikan beberapa kemahiran asas literasi ketika belajar menulis karangan di sekolah. Perkara ini yang membuktikan bahawa penguasaan penulisan karangan adalah penting dalam Bahasa Melayu kerana sebahagian besar pencapaian akademik pelajar akan ditentukan oleh kemahiran menulis karangan.

Kajian Noor dan Zamri (2017) mengenai keberkesanan pendekatan kontekstual dalam meningkatkan kemahiran bahasa pelajar mendapati pendekatan kontekstual memberi kesan kepada peningkatan pencapaian pelajar dalam meningkatkan kemahiran bahasa. Pernyataan ini disokong oleh kajian Satriani (2012) mendapati penulisan pelajar yang diajar menggunakan pendekatan kontekstual telah berjaya menambah baik kemahiran menulis mereka. Pendekatan kontekstual merupakan pendekatan yang mencakupi komponen-komponen pembelajaran abad ke-21 yang menekankan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar.

Pendekatan ini bersesuaian dengan pendidikan masa kini yang memerlukan guru sebagai fasilitator atau pemudahcara sahaja. Guru seharusnya tidak menggunakan kaedah suapan atau "*spoon feeding method*" kerana

kaedah itu tidak akan merangsang penyertaan aktif pelajar dalam membina idea sendiri dalam menulis karangan. Guru perlu melatih pelajar untuk mencari maklumat sendiri untuk membina penulisan karangan mereka. Justeru itu, pendekatan kontekstual ini digunakan dalam PdPc penulisan karangan kerana murid yang akan menggerakkan aktiviti pembelajaran. Mereka juga akan menggunakan pelbagai kemahiran pembelajaran masa kini seperti teknologi komputer dan komunikasi untuk mencari idea yang berkaitan dengan penulisan mereka.

## **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN KAJIAN**

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang ditekankan dalam PdPc Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana kemahiran menulis akan membantu pelajar untuk menghasilkan karangan. Zamri (2014) turut menyatakan bahawa aktiviti menulis mempunyai perkaitan dengan kemahiran bertutur dan membaca. Pelajar yang tidak mampu menguasai kemahiran menulis akan gagal dalam menterjemahkan sesuatu yang dituturkan ataupun yang dibacakan. Hal ini demikian kerana semasa menulis karangan, pelajar akan membaca perkataan yang ditulis. Pelajar juga akan meneliti perkataan yang ditulis dan secara tidak langsung menyebabkan mereka mengingat banyak kosa kata. Kemahiran menulis dalam subjek Bahasa Melayu digarap melalui penulisan karangan sama ada dalam format karangan berbentuk rangsangan mahupun karangan jenis umum. Kedua-duanya adalah untuk melihat keupayaan pelajar menguasai kemahiran menulis dengan baik hasil daripada perkembangan intelek mereka. Kesannya, aspek kemahiran menulis perlu diberi penekanan yang sewajarnya semasa PdPc Bahasa Melayu agar pelajar dapat melahirkan buah fikiran yang bernas.

Justeru itu, masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pelajar sekolah menengah bagi menghasilkan penulisan karangan dengan baik perlu diatasi dengan cara yang lebih efektif. Hal ini demikian kerana masalah dan cabaran tersebut akan menjadi kekangan kepada pelajar untuk menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik. Guru perlu mencari solusi segera untuk mengatasi masalah pelajar tidak menguasai bahan rangsangan dan tidak menguasai tajuk karangan untuk menguasai penulisan karangan. Selain itu, cabaran sikap pelajar, motivasi dan persekitaran juga perlu diatasi dengan sebaik mungkin agar pelajar dapat menguasai kemahiran menulis karangan dengan lebih baik. Hal ini demikian kerana cabaran merupakan halangan kepada kejayaan pelajar untuk menghasilkan penulisan karangan yang menarik dan berkesan.

Selain itu, penggunaan pendekatan, yang sesuai dengan tahap penguasaan pelajar untuk meningkatkan kemahiran menulis adalah penting agar dapat memastikan pelajar menguasai ilmu yang telah dipelajari. Hal ini demikian kerana pelajar terlibat dalam usaha untuk mengumpul dan menganalisis maklumat yang disampaikan oleh guru menggunakan daya fikiran mereka. Schubungan itu, amalan guru dianggap berkesan semasa PdPc apabila guru berupaya mempelbagaikan pendekatan pengajaran, menyediakan alat bantu mengajar yang menarik serta mendalami isi kandungan yang hendak diajar (Wan Nurzuliana Wan Ahmad, 2018). Jelaslah di sini bahawa amalan pengajaran guru terhadap penulisan karangan akan menentukan keberkesanan pelajar untuk menguasai kemahiran menulis karangan. Hal ini demikian kerana guru menjadi tunjang utama kepada penguasaan ilmu pengetahuan dalam kalangan pelajar sekolah. Amalan pengajaran guru yang sesuai akan membuahkan hasil yang berkualiti kerana pelajar dapat menguasai kemahiran yang diajar oleh guru (Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman, 2011). Keadaan ini menunjukkan bahawa guru menggunakan kepelbagaian pendekatan untuk memastikan pelajar dapat menguasai kemahiran penulisan karangan yang mantap.

### **Cadangan Kajian**

Hasil kajian membuktikan terdapat beberapa masalah dan cabaran dalam kalangan pelajar terhadap penguasaan penulisan karangan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Masalah dan cabaran ini perlu diatasi dengan cara yang efektif agar dapat melahirkan pelajar yang mempunyai daya saing untuk mengembangkan intelek mereka dalam kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu. Justeru itu, beberapa cadangan yang perlu dititik beratkan kepada guru untuk membantu mereka mengajar penulisan karangan Bahasa Melayu dengan lebih berkesan dan efektif. Antaranya adalah seperti berikut:

- a) Guru perlu membuat persediaan yang rapi sebelum mengajar penulisan karangan agar dapat membantu pelajar menguasai kemahiran literasi dengan baik khususnya membaca dan menulis. Hal ini demikian kerana guru Bahasa Melayu sudah menyiapkan diri mereka dengan pelbagai maklumat dan informasi sebelum menjalankan aktiviti PdPc penulisan karangan di dalam bilik darjah. Guru boleh menyediakan rancangan pengajaran harian untuk membantu mereka membuat rancangan yang lebih rapi terhadap aktiviti PdPc supaya pelajar dapat menguasai penulisan karangan.
- b) Guru boleh menggunakan bahan bantu mengajar yang sesuai dan kreatif mengikut kemampuan pelajar. Hal ini demikian kerana alat bantu mengajar dapat menarik minat belajar dalam kalangan pelajar untuk cepat menguasai kemahiran menulis. Penggunaan alat yang sesuai seperti kad gambar, rajah, peta minda, bahan grafik dan multimedia boleh membantu menarik perhatian pelajar untuk lebih cepat memahami isi penting dan olahan karangan.

c) Guru juga boleh mengaplikasikan pengajaran abad ke -21 iaitu menjadi pemudahcara kepada pelajar. Hal ini dapat membantu pelajar untuk terlibat dalam aktiviti secara aktif semasa aktiviti penulisan karangan di dalam bilik darjah kerana guru memberikan peluang sepenuhnya kepada pelajar untuk terlibat berinteraksi bersama guru dan rakan-rakan.

## RUMUSAN

Segala masalah yang membawa kepada cabaran dalam penguasaan penulisan karangan pelajar perlu dikenal pasti terlebih dahulu. Masalah yang timbul ini akan menyebabkan pelajar gagal menguasai penulisan karangan Bahasa Melayu. Jika masalah dan cabaran ini tidak diatasi maka PdPc guru tidak akan menunjukkan peningkatan yang memuaskan terhadap penguasaan penulisan karangan Bahasa Melayu pelajar. Sehubungan dengan itu, keberkesanan pengajaran juga bergantung kepada kebolehan guru menggunakan kemahiran mengajar yang sesuai dengan kemampuan pelajar. Hal ini untuk memastikan pelajar dapat menguasai kemahiran menulis karangan. Justeru itu, guru perlu merancang dan memudahkan aktiviti pembelajaran pelajar untuk menimbulkan rangsangan kepada pelajar supaya seronok dalam mempelajari Bahasa Melayu. Guru perlu bijak mengaplikasikan teori semasa PdPc berlangsung agar pelajar mempunyai keinginan untuk belajar. Tambahan pula, keinginan dan motivasi pelajar untuk belajar akan meningkatkan penguasaan penulisan karangan mereka. Guru juga perlu memantapkan kemahiran pengajaran dengan menggunakan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai. Pemantapan kemahiran pedagogi guru akan menjadikan pelajar lebih memahami pengajaran Bahasa Melayu sekaligus dalam melakukan penulisan karangan.

## RUJUKAN

- Abdul Ghani Jalil. (2016). Tingkah Laku Dan Proses Semasa Menulis Karangan Respons Terbuka Murid Berprestasi Rendah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA*, 25-27 Oktober 2016.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah Di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1), 1-12.
- Ainun Rahmah Iberahim, Z. M. & W. M. R. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 7, 77-88.
- Aishah Abdul Malek, Mohd Nazri Abdul Rahman, R. D. & M. A. M. (2019). Pendekatan Bercerita Berasaskan Kurikulum Berkepelbagaian Budaya Untuk Pembelajaran Literasi Awal Kanak-Kanak. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 7(3), 28-34.
- Anida Sarudin & Norismayati Aida. (2018). *Linguistik Dan Manfaat Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Anthony Aloysius Akup & Yahya Othman. (2017). Keberkesanan Peta Pemikiran Dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Esei Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 7 (1). pp. 44-55. ISSN 2180-4842
- Arbiah Maddahiri, Mohd Khairuddin Abdullah, Musirin Mosin, Musirin Mosin, Mohammad Haafiz Ahmid & Hairi Asul. (2018). Amalan Pengajaran Guru Linus-Literasi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(2), 32-39.
- Azizi Yahaya, Peter Voo, Ismail Maakip, Mohd Dahlan. (2018). *Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Menulis Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 67-87.
- Chew, Fong Peng (2015) Pelaksanaan Program Literasi Dan Numerasi (Linus) Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), (1-11).
- Chua Y. P. (2014). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan (Edisi Ketiga)*. Selangor: Mcgraw-Hill Education.
- Compton, B.R., Galaway, B., & Cournoyer, B. R. (2005). *Social Work Processes (7th Edition)*. California: Brooks/Cole Publishing.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Fenny Lau Yeo Feng, Kee Guek Fen, K. P. L. L. H. S. (2021). Kaedah Pengajaran Dalam Talian Guru Bahasa Melayu Dan Motivasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(April), 57-74.
- Indhumathy A/P Munusamy. (2013). Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Insan. *Seminar Antarabangsa Perguruan Dan Pendidikan Islam [Seappi2012]*. 8-9 March 2012, Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru, 289-303.



- Intan Satriani, Emi Emilia & Muhammad Handi Gunawan. (2012). Contextual Teaching Learning Approach to Teaching Writing. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 2(1), 10-22.
- Juriah Long (2010). *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamaruddin Hj. Husin. (1986). *Kesedaran Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Katharina Rustipa. (2011). Theme-Rheme Organization of Learner's Texts. *Dinamika Bahasa Dan Ilmu Budaya*, 4(2), 1-17.
- Lai Lee Chung, Chin Hai Leng & Chew Fong Peng (2017). Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat Dalam Penulisan Karangan Dari Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif Serta Pembelajaran Kolaboratif. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(1), 1-12.
- Mohamed Noh Daipi Dan Fadilah Isnin. (2020). Pengajaran Dan Pembelajaran Penulisan Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri Dalam Kurikulum Pendidikan Sekolah Rendah di Singapura. *MJSSH Online*, 4(2), 33-55.
- Mohd Aderi Che Noh, Normurni Mohamad, Adibah Hasanah Abd Halim Dan Absha Atiah Abu Bakar (2018) Pelaksanaan Kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Kaedah Fiqh. *Al-Hikmah*, 10(1), 148-162.
- Mohd Rohiman Subri & Rohizani Yaakub. (2021). Pengetahuan Pedagogi Guru Cemerlang Bahasa Melayu Dalam Pengajaran Komponen Sastra: Satu Kajian Kes. *Asian People Journal*, 4(1), 50-64.
- Mohd Uzir Zubir, R. K. & S. N. S. (2018). Motivasi Dan Sikap Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Tingkatan Satu (Junior One Loyalty), Sekolah Menengah Persendirian Kwang Hua. *Jurnal Kesidang* 3, 82-91.
- Nasir, Zaliza & Zainon Hamzah, Zaitul Azma. (2014). Sikap Dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social And Behavioral Sciences*, 134, 408-415.
- Nitce Isa Medina Machmudi Isa & Mai Shihah Hj Abdullah. (2013). Pembelajaran Berasaskan Projek: Takrifan, Teori dan Perbandingannya dengan Pembelajaran Berasaskan Masalah. *CREAM-Current Research in Malaysia*, 2(1), 181-194.
- Noor Hidayu Mohd Rahim dan Yahya Othman, (2016) Keberkesanan Peta Bulatan Dan Peta Alir Dalam Meningkatkan Penguasaan Menulis Karangan Naratif Murid-Murid Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 6(2), 68- 77.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, & Nurul Huda Mohd Saad. (2010). Peluasan Makna Imbuhan Ber-: Analisis Semantik Kognitif. *Gema Online Journal of Language Studies* 10(1), 103-123.
- Nor Izzati Binti Mahd Nor. (2019). *Kaedah Berasaskan Projek Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Jurnal Refleksi Kepemimpinan Jilid II (ISSN 2636-9885), 26-40.
- Norazilawati Abdullah. (2020). *Trend Dan Isu Pendidikan Abad Ke-21*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norjietta Julita Taisin. (2018). Keberkesanan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun dalam Kalangan Guru Bahasa Kadazandusun Sekolah Rendah. *E- Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 23-24 April.
- Norliza Abdullah, Zulkifli Osman & Abdul Munir Ismail. (2021). Kesan Penggunaan Peta Pemikiran Terhadap Pengajaran Penulisan Karangan Murid Tahun Lima: The Effect of Using Thinking Maps on the Teaching of Essay Writing Among Year Five Students. *Jurnal Manu*, 32 (1), 1-17.
- Norsimah Mat Awal, Nadzrah Abu Bakar & Nor Hashimah Jalaluddin. (2012). Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua: Pengungkapan Idea Dalam Penulisan Pelajar Sekolah Menengah Di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 9, 227-240.
- Norul Haida Redzuan. (2014). Modul 'Bijak Mengarang' Mempertingkatkan Kemahiran Menulis Karangan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 9, 54-62.
- Nurazuan Razali. (2013). *Tahap Prasarana Pendidikan Dan Persekitaran Pembelajaran Di Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi*. Master thesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nursyuhada Mohammad, Abdul Wahab & Faridah Yunus. (2013). Teknik Multisensori Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Literasi Huruf Kanak – Kanak Prasekolah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nurul Aisyah Abdullah, Z. M. & N. A. H. N. S. (2016). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 1-9.
- Osman, Z. (2013). Pemupukan Potensi Diri Pelajar Yang Menyeluruh Melalui Pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 8, 133-152.
- Roselan Baki. (2011). *Pengajaran Dan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Saraswathy A/P Pormalu @ Perumal, Rohaidah Kamaruddin, Paramasivam A/L Muthusamy, Ayuni Mohamad Bakari & Husna Hidayah Mansor. (2017). Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Tamil. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 5(1), 45 – 55.

- Siti Azura Abu Hassan, S. Z. A. & Z. H. (2021). Keberkesanan Pembelajaran Dan Pengajaran Dalam Talian (E-pembelajaran) Terhadap Pembelajaran Pelajar Di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (Ijhtc)*, 2(10), 1–14.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2011). *Bahasa Melayu I*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar.
- Siti Zabidah Mohamed (2006) *Kesan Pendekatan Penyebatian Kemahiran Berfikir Kreatif Dalam Pengajaran Karangan Deskriptif Dan Karangan Imajinatif Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan IV* LB1591.5.M2 S623 2006 f rb. PhD thesis, USM.
- Uli Wahyuni. (2021). Pengaruh Penggunaan Model Pembelajaran Berbasis Masalah Terhadap Keterampilan Menulis Karangan Eksposisi. *Jurnal Ilmiah Dikdaya*, 11(1), 145-150.
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. (2018). Amalan Guru Dalam Melaksanakan Kemahiran Literasi Bahasa Melayu Bagi Program LINUS Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 1-11.
- Yahya Othman & Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Penulisan Berbentuk Risalah Di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4, 19–29.
- Yusfiza Yusuff & Mohd Isha Awang, (2012). Aplikasi Pembelajaran Jigsaw Ii Dalam Pengajaran Penulisan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 62-70.
- Zakaria, N., Rauf, A., & Farhan, N. (2019). Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Melalui Penggunaan Imitasi. *Jurnal Linguistik* 23(2), 13–20.
- Zamri Mahamod. (2015). *Strategi Pembelajaran: Inventori Cara Belajar Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P Dalam Pendidikan Bahasa Melayu (Cetakan Ketiga)*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zarina Abu Bakar dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad (2021). Keberkesanan Penggunaan Kaedah Peta I-Think Dalam Kalangan Guru Senior Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Di Daerah Seremban. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 32-43.
- Zulkifley Hamid. (2014). Faktor Persekitaran Sekolah Dan Etnik Dalam Perancangan Dan Pelaksanaan Program Pendidikan Bahasa Melayu Di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* 10(5), 99 – 109.
- Zulkifli Hamid. (2011). Peranan Teori Psikolinguistik Dalam Pemurnian Dan Pemeriksaan Pendidikan Bahasa Melayu Di Malaysia. *Jurnal E-Bangi*, 6(2), 183- 192.
- Zuraini Jusoh & Abdul Rasid Jamian. (2014). Kesan Bercerita Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Naratif Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4, 11–18.